

KAEDAH “MEC” DALAM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN EKONOMI TINGKATAN LIMA SATU KAEDAH BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN BERFIKIR MURID

Malisah Binti Zainol
SMK Bandar Baru Sungai Buloh,
Selangor Darul Ehsan

ABSTRAK

Ilham untuk menggunakan kaedah “MEC” ini datanginya daripada melihat tingkah laku anak-anak ketika bermain “games” dalam komputer. Mereka amat fokus, teruja dan mempunyai motivasi yang tinggi. Lantas saya mengambil pengajaran bahawa jika mereka berasa seronok dan tercabar, mereka akan lebih fokus dan bermotivasi tinggi. Namun untuk buat mereka berminat belajar ekonomi, mereka perlu sedar bahawa ilmu ini amat berguna kepada mereka di masa hadapan kelak. Oleh itu saya telah menggabungkan tiga prinsip dalam PdPc iaitu “Bermakna”(Meaningful), “Seronok”(Enjoy) dan “Mencabar”(Challenging). Singkatan huruf dalam Bahasa Inggeris ialah “MEC”. Seramai 40 orang murid Tingkatan 5 UPM tahun 2018 menjadi kumpulan sasaran. Saya mendapati bahawa mereka ini lemah dalam menjawab soalan esei yang menguji kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) iaitu menganalisis dan menilai kerana tidak menguasai fakta dan huraian. Dalam kajian ini saya telah menggunakan dua aktiviti iaitu mengaplikasikan prinsip “MEC” dalam PdPc dan menggunakan panduan kerangka jawapan bagi menjawab. Dalam aktiviti pertama murid diharapkan dapat menguasai fakta dengan banyak. Manakala dalam aktiviti dua pula, fakta yang telah dikuasai digunakan untuk menjawab soalan esei KBAT. Setelah kajian ini dilaksanakan, kemahiran berfikir mereka telah meningkat. Bukan sahaja mereka mampu menjawab esei KBAT malah prestasi mata pelajaran Ekonomi dalam SPM juga telah meningkat dengan signifikan sekali.

1.0 REFLEKSI PDPC LALU

Bulan Februari semakin hampir ke penghujungnya. Sekolah amat sibuk dengan aktiviti kokurikulum. Murid- murid kelas 5 UPM yang majoritinya terdiri daripada pemimpin kokurikulum sekolah, sering tidak masuk kelas kerana mengikuti aktiviti kokurikulum masing-masing samada di sekolah mahupun di luar. Seperti biasa saya meminta kepada murid-murid yang ada agar menghantar buku latihan. Apabila saya menyemak buku latihan mereka, saya dapati ramai murid 5 UPM yang belum menguasai Bab 1 khususnya bagi soalan yang berkaitan dengan kemahiran menganalisis dan menilai atau soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi(KBAT). Saya amat risau akan prestasi mereka. Biasanya sebelum Peperiksaan Pertengahan Tahun yang diadakan dalam bulan Mei, saya akan berikan murid-murid soalan latihan tubi yang banyak sebagai persediaan. Bagaimanapun pada tahun ini, saya menjangkakan perkara ini sukar dilaksanakan kerana kemahiran berfikir tidak boleh dikuasai melalui latihan tubi. Lalu saya bertanya kepada diri sendiri “ Adakah cara yang membolehkan murid saya menguasai kemahiran berfikir dalam masa yang singkat?”. Soalan lain bermain lagi di fikiran saya “Mengapakah mereka sangat fokus dan berminat ketika bermain “games” dalam telefon bimbit?. Saya rasa di antara sebabnya ialah “games” itu menyeronokkan dan mencabar.

Namun "games" itu kurang penting terhadap diri mereka berbanding dengan ilmu dan pendidikan. Justru itu, murid-murid ini perlu melihat pentingnya ilmu ekonomi bagi kelangsungan hidup dan masa depan mereka. Akhirnya saya membuat keputusan untuk cuba mengaplikasikan tiga prinsip penting dalam pembelajaran dan pengajaran (PdPc) saya iaitu "Bermakna" (Meaningful), "Menyeronokkan" (Enjoy) dan "Mencabar" (Challenging). Lantas saya namakan kaedah ini sebagai "MEC".

2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian saya ialah bagi meningkatkan kemahiran berfikir murid iaitu kemahiran menganalisis dan menilai bagi meningkatkan prestasi murid menjawab soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Selepas kajian ini selesai dijalankan objektif berikut akan tercapai:

3.1 Objektif Umum

a. Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Ekonomi akan meningkat dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

3.2 Objektif Khusus

- a. Murid boleh menjawab soalan yang menguji kemahiran menganalisis.
- b. Murid boleh menjawab soalan yang menguji kemahiran menilai.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Seramai 40 orang murid dari kelas 5 UPM merupakan kumpulan sasaran dalam kajian ini.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

5.1 Tinjauan Masalah

5.1.1 Temu bual

Sebelum memperkenalkan kaedah ini, saya telah menjalankan temu bual dengan sepuluh orang murid. Tujuan temu bual ialah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan sebab-sebab mereka tidak boleh menjawab soalan yang melibatkan kemahiran menganalisis dan menilai. Selain itu, temu bual juga bertujuan untuk mencari cara yang boleh memudahkan mereka berfikir dan menjawab soalan KBAT.

5.1.2 Pemerhatian

Saya telah menjalankan pemerhatian sebelum dan selepas kajian dilaksanakan bagi mengenal pasti sikap mereka. Sebelum kajian, saya dapati murid tidak menunjukkan minat dan memberikan komitmen yang rendah semasa aktiviti PdPc. Apabila soalan KBAT dilontarkan, murid cuba mengelak dari bertentang muka dengan saya. Tiada seorangpun murid yang mengangkat tangan untuk menjawab secara sukarela. Murid hanya memberikan

pendapat apabila nama mereka dipanggil atau apabila sudah terpaksa menjawab. Murid yang terpaksa menjawab pula memberikan jawapan yang kurang tepat dan dengan tidak yakin.

5.1.3 Ujian Pra dan Ujian Pasca

Saya telah menggunakan latihan murid sebagai Ujian Pra. Sebelum kajian dijalankan, kemahiran berfikir murid diuji dengan soalan esei. Setelah kajian, murid menjawab soalan esei yang menguji kemahiran berfikir yang sama semasa menduduki Peperiksaan Pertengahan Tahun. Soalan esei 7(c) dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun telah menjadi Ujian Pos.

5.1.4 Dokumen

Saya menggunakan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2017 dan 2018 sebagai perbandingan prestasi murid. Sebanyak 40% soalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) diperuntukkan dalam kertas Ekonomi. Peruntukan markah yang besar ini boleh mempengaruhi peletakan gred/ kualiti pencapaian murid.

5.2 ANALISIS TINJAUAN MASALAH

5.2.1 Analisis Temu Bual

Guru telah menemubual 10 orang murid dengan soalan-soalan berikut:

1. Mengapa kamu tidak boleh menjawab soalan esei KBAT?
2. Apakah aktiviti pembelajaran yang kamu sukai?

Hasil Temubual Murid

Murid	Soalan 1	Soalan 2
Murid 1	Tidak tahu/Tiada idea	Bersama kumpulan
Murid 2	Tidak faham soalan	Tanpa kumpulan/ belajar sendiri
Murid 3	Tidak faham soalan	Belajar sambil bermain
Murid 4	Tidak faham soalan	Bersama kumpulan
Murid 5	Tidak tahu/Tiada idea	Bersama kumpulan
Murid 6	Tidak tahu/ Tiada idea	Bersama kumpulan
Murid 7	Takut jawapan akan salah	Tanpa kumpulan/ belajar sendiri
Murid 8	Tidak tahu/Tiada idea	Bersama kumpulan
Murid 9	Tidak tahu/Tiada idea	Belajar menggunakan ICT
Murid 10	Tidak membaca sebelum kelas	Bersama kumpulan

Analisis temu bual adalah seperti dalam jadual berikut:

Soalan 1 : Mengapa kamu tidak mahu cuba menjawab?

Respon	Bilangan (orang)
Tidak tahu/ tiada idea	5
Tidak faham soalan	3
Takut jawapan akan salah	1
Tidak membaca sebelum kelas	1

Soalan 2: Apakah cara belajar yang kamu suka?

Respon	Bilangan (orang)
Belajar tanpa kumpulan/ bersendirian	0
Belajar bersama kumpulan	6
Belajar sambil bermain	2
Menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi	2

Melalui dapatan dari temubual yang dijalankan, rumusan berikut boleh dibuat:

- i. Murid tidak boleh menjawab soalan kerana tidak tahu, tidak faham soalan, takut jawapan akan salah dan tidak membaca sebelum kelas. Kebimbangan dan rasa takut berbuat kesilapan mempunyai hubung kait dengan kebolehan menulis murid (Macintyre, 1995; Horwitz et al. 1986; Macintyre & Gardner, 1989 & 1991).
- ii. Murid lebih suka belajar bersama rakan kumpulan. Selain itu, mereka juga suka belajar sambil bermain dan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi. Penggunaan komputer dalam bilik darjah boleh meningkatkan pembelajaran murid (Stallard, 1985)

5.2.2 Analisis Pemerhatian

Selepas pemerhatian dijalankan, saya dapati sikap murid berubah menjadi lebih positif. Mereka telah memberikan komitmen yang penuh semasa PdPc. Sebaik sahaja soalan dilontarkan, mereka berlumba-lumba memberikan pendapat dan berani mempertahankan idea. Pembelajaran kooperatif telah meningkatkan kesan terhadap pembelajaran dari aspek kognitif mahupun afektif (Johnson & Johnson, 1974; Slavin, 1976). Suasana kelas lebih meriah dan murid lebih aktif.

5.2.3 Analisis Ujian Pra dan Ujian Pos

Hasil perbandingan prestasi murid sebelum dan selepas kajian boleh ditunjukkan seperti dalam jadual berikut:


MARKAH DIPEROLEH	UJIAN PRA		UJIAN POS	
	BILANGAN MURID	PERATUS	BILANGAN MURID	PERATUS
Tahap 1 (0 – 3 markah)	20	50%	5	12.5%
Tahap 2 (4 – 6 markah)	20	50%	18	45%
Tahap 3 (7- 8 markah)	0	0%	17	42.5

Jadual 1

Daripada analisis data Ujian Pra dan Ujian Pos , saya dapati terdapat peningkatan murid yang berjaya memperoleh Tahap 3 iaitu sebanyak 42.5%. Manakala bagi murid yang menguasai Tahap 2, terdapat penurunan sebanyak 5% dan bagi murid yang menguasai Tahap 1, terdapat penurunan sebanyak 37.5%.

Perbandingan hasil Ujian Pra dan Pos boleh dilihat dalam Graf 1 yang berikut.

Peratus murid



Graf 1

Rumusannya ialah berlaku peningkatan yang ketara dalam peratus murid yang menguasai tahap 3. Disamping itu juga, peratus murid yang menguasai tahap 1 dan tahap 2 pula menurun. Pembelajaran yang bermakna melalui pengalaman jelas memberi impak terhadap prestasi akademik murid (John Dewey, 1938).

5.2.4 Analisis dokumen

Gred purata dan peratus lulus mata pelajaran Ekonomi pada tahun 2017 dan 2018 seperti berikut:

TAHUN	GRED PURATA	PERATUS LULUS
2017	4.97	91.80
2018	3.90	97.67

Data daripada dokumen tersebut menunjukkan peningkatan yang ketara dalam prestasi Ekonomi iaitu peningkatan peratus lulus sebanyak 5.87% dan gred purata sebanyak 1.07 mata.

5.3 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Tindakan melibatkan dua aktiviti seperti berikut:

Aktiviti 1 – Perancangan dan pelaksanaan PdPc

Aktiviti ini merupakan perancangan dan pelaksanaan proses PdPc. Dengan menggunakan prinsip “MEC” (Bermakna, Menyeronokkan dan Mencabar), Rancangan Pelajaran Harian (RP) disediakan dengan menyusun dan menggabungkan aktiviti-aktiviti dari awal hingga akhir proses PdPc. Terdapat pilihan aktiviti bagi setiap prinsip yang digunakan dalam kaedah ini seperti dalam Jadual 2 berikut:

SENARAI AKTIVITI MENGIKUT PRINSIP “MEC”

AKTIVITI “MEANINGFUL” (Membuat murid ingin tahu/ belajar)	AKTIVITI “ENJOY” (Menjadikan murid seronok)	AKTIVITI “CHALLENGING” (Meningkatkan motivasi belajar)
<ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji keratan akhbar berkaitan dengan kandungan yang akan dipelajari • Kemukakan soalan tentang kepentingan kandungan dalam kehidupan seharian. • Mainkan video isu semasa berkaitan 	<ul style="list-style-type: none"> • Belajar dalam kumpulan/ kolaboratif • Bebas menentukan cara membuat pembentangan/ membuat laporan • Permainan • Menggunakan bahan menarik (kartun/ 	<ul style="list-style-type: none"> • Hadiah permainan • Hadiah pertandingan kuiz antara kumpulan/ jantina • Mencipta soalan KBAT terbaik • Smart Partner (Guru Muda) terbaik • Selesaikan kajian kes/

dengan kandungan.	petikan video/ filem) <ul style="list-style-type: none"> • Meneroka internet/ menggunakan peranti telefon bimbit/tablet • Kelainan / pembezaan (kandungan/ cara memperoleh maklumat/ tugas setiap ahli) • Menyanyi / berlakon 	isu sebenar tentang diri sendiri / keluarga <ul style="list-style-type: none"> • Sistem pengumpulan poin kumpulan dan hadiah bulanan diberikan kepada pemenang • Ada unsur “suspens”
-------------------	---	---

Jadual 2

Langkah bagi menyusun aktiviti adalah seperti berikut;

1. Saya telah memilih mana- mana aktiviti bagi prinsip “Bermakna”. Aktiviti ini akan dilaksanakan dalam bahagian set induksi atau awal pengembangan PdPc. Sekurang-kurangnya dua aktiviti diperlukan iaitu penggunaan bahan ransangan dan penyoalan. Tujuan aktiviti ini dilaksanakan ialah bagi menimbulkan sikap ingin tahu atau ingin belajar dalam kalangan murid. Hal ini boleh berlaku jika mereka telah mengetahui akan kepentingan kandungan pelajaran atau ilmu ini terhadap kehidupan masa depan mereka.
2. Seterusnya, saya memilih mana-mana aktiviti bagi prinsip “Enjoy”. Aktiviti ini dilaksanakan dalam bahagian pengembangan. Bagi murid menguasai kandungan pelajaran, perlu berlaku proses mendapatkan maklumat, bekerjasama dalam kumpulan dan akhirnya membuahkan hasil proses pembelajaran. Perkara yang paling penting bagi aktiviti ini ialah murid merasa seronok dan tiada tekanan. Hal ini bagi menimbulkan keyakinan, berani mencuba, bebas mengeluarkan idea dan berupaya berhujah atau mempertahankan pendapat.
3. Akhir sekali saya telah menyelitkan aktiviti bagi prinsip “Mencabar” di mana-mana bahagian PdPc samada dalam set induksi, pengembangan atau penilaian. Unsur mencabar ini akan meningkatkan motivasi dan semangat belajar.

Aktiviti 2 - Bimbingan KBAT

Terdapat beberapa jenis soalan menganalisis dalam mata pelajaran Ekonomi. Antaranya ialah analisis cara, sebab atau faktor, kesan atau akibat, kebaikan, keburukan dan analisis perkaitan atau hubungan. Manakala bagi soalan menilai pula memerlukan pertimbangan atau membuat keputusan terhadap sesuatu isu atau masalah. Bagi membuat keputusan, kemahiran menganalisis sekali lagi diperlukan. Penilaian atau keputusan boleh dibuat setelah mempertimbangkan kebaikan, keburukan atau kesan positif dan kesan negatif sesuatu perkara. Langkah membimbing murid menjawab soalan KBAT menganalisis dan menilai seperti berikut:

1. Kenal pasti jenis kata tugas dan kehendak soalan.

Bil	Kata tugas	Perkara yang di analisis/ dinilai
1.	Bagaimana	Cara / langkah/ tindakan
2.	Mengapa	Sebab/ faktor/ kebaikan/ kelemahan/ ciri
3.	Jelaskan kesan	Akibat/ kesan
4.	Jelaskan kesan terhadap pasaran	Perkaitan (Hubungan antara permintaan, penawaran dan harga di pasaran)
5.	Jelaskan hubungan	Hubungan atau perkaitan antara dua perkara
6.	Wajarkah/ Bersetujukah	Alasan sokongan seperti kebaikan/ kelemahan / kesan positif/ kesan negative

2. Bagi memudahkan penjanaa

n idea dan agar jawapan tidak terpesong saya

telah mencipta jadual kerangka jawapan bagi soalan menganalisis dan

menilai. Murid perlu mengirs kerangka jawapan dahulu sebelum menulis esei KBAT. Saya namakan panduan tersebut sebagai “ACOK”, “AKOK”, “AKOS”. dan “PEKOK”.

Perincian nama panduan kerangka tersebut seperti berikut:

Soalan “Bagaimana”	
A	Ayat - Menggunakan ayat dalam soalan untuk mulakan jawapan)
C	Cara / Langkah / Tindakan (sekurang-kurangnya 2)
O	Oleh itu - huraian kepada cara/ langkah/ tindakan
K	Kesannya -kesan kepada cara / langkah/ tindakan

Soalan “Jelaskan kesan”	
A	Ayat - Menggunakan ayat dalam soalan untuk mulakan jawapan)
K	Kerana-Sebab/Faktor/Kepentingan/ Kebaikan(sekurang-kurangnya 2)
O	Oleh itu - huraian kepada sebab/ faktor/ kepentingan
K	Kesannya -kesan kepada sebab/ factor/ kepentingan

Soalan “Mengapakah”	
A	Ayat - Menggunakan ayat dalam soalan untuk mulakan jawapan
K	Kerana -Sebab/faktor/ kepentingan/Kebaikan (sekurang-kurangnya 2)
O	Oleh itu - huraian kepada sebab/Faktor/Kepentingan/Kebaikan
K	Kesannya -kesan kepada sebab/Faktor/Kepentingan/Kebaikan

Soalan “Wajarkah/ Bersetujukah”	
PE	Pendirian/Keputusan (Ya/Tidak @ Setuju/Tak setuju)

K	Kerana – Alasan penyokong pendirian (sekurang-kurangnya 2)
O	Oleh itu - huraian kepada alasan/ sebab/ faktor
K	Kesannya -kesan kepada sebab/ faktor

Contoh soalan dan jawapan menggunakan kerangka jawapan:

Soalan 1: Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pendapatan individu.

PUTRAJAYA: Pembayaran Bantuan Sara Hidup (BSH) 2019 fasa pertama yang dijangka memanfaatkan sehingga 4.1 juta isi rumah akan dilaksanakan pada 28 Januari mengikut pangkalan data lama dan kaedah lama.
Sumber: Berita Harian Online, 26 Disember 2019

Bantuan tersebut perlu diteruskan. Beri alasan anda.

Soalan 2: Maklumat berikut berkaitan dengan satu masalah ekonomi.

Kejatuhan nilai Ringgit Malaysia menyebabkan harga petroleum dan bahan mentah yang diimport naik mendadak. Hal ini menyebabkan berlaku kenaikan harga barang yang lain.

Sebagai pengguna, bagaimanakah anda mengurangkan masalah tersebut?

Soalan (1) tersebut menguji kemahiran menilai. Murid perlu menilai samada bantuan perlu diteruskan atau sebaliknya. Kerangka jawapan yang digunakan ialah PEKOK.

PE	K	O	K
Pendirian	Kerana...	Oleh itu..	Kesannya...
Ya , bantuan tersebut perlu diteruskan.	K1- Kerana sesuai dengan matlamat kerajaan untuk memaksimumkan kebajikan rakyat. K2- Kerana bantuan itu menambah pendapatan golongan berpendapatan rendah(GBR)	Oleh itu beban golongan berpendapatan rendah dapat dikurangkan. Oleh itu kuasa beli GBR meningkat	Kesannya taraf hidup mereka akan naik. Kesannya kadar kemiskinan akan menurun

Manakala soalan (2) pula menguji kemahiran menganalisis cara/langkah/tindakan. Kerangka jawapan yang digunakan ialah ACOK.

A	C	O	K
---	---	---	---

Ayat	Cara/ langkah/ tindakan...	Oleh itu..	Kesannya...
Saya mengatasi masalah tersebut dengan	C1- Cara pertama ialah mengurangkan perbelanjaan yang kurang perlu. C2-Cara kedua ialah meningkatkan tabungan	Oleh itu permintaan agregat akan menurun. Oleh itu, lebih penawaran wang dalam ekonomi akan berkurang	K1-Kesannya akan berlaku lebih penawaran barang di pasaran. K1a Harga akan turun semula. K2-Kesannya permintaan akan berkurang. K2a- Harga akan turun semula.

5.4 PELAKSANAAN TINDAKAN DAN PEMERHATIAN/ PENILAIAN

Pelaksanaan Aktiviti 1

Saya telah menyediakan enam RPH yang mengambil sebanyak 12 waktu pembelajaran dan mengambil masa selama tiga minggu. Berikut merupakan Jadual Perancangan Matriks Pengajaran yang telah saya gunakan.

JADUAL PERANCANGAN MATRIKS PENGAJARAN BERASASKAN PRINSIP “MEC”

BI L	TAJUK	AKTIVITI “MEANINGFUL” (Membuat murid ingin tahu/ belajar)	AKTIVITI “ENJOY” (Menjadikan murid seronok)	AKTIVITI “CHALLENGING” (Meningkatkan motivasi belajar)
1.	5.5.1 Peranan kerajaan (Menghuraikan peranan kerajaan sebagai pengeluar dan majikan)	1. Mengkaji keratan akhbar berkaitan dengan projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan dan iklan jawapan oleh agensi kerajaan. 2. Kemukakan soalan tentang kepentingan kandungan pelajaran dalam kehidupan.	1. Pembelajaran koperatif/ belajar dalam kumpulan/ kolaboratif. 2. Meneroka internet/ menggunakan telefon bimbit/tab	1. Pertandingan kuiz 2. Ada unsur suspens. (Numbered Head Together – semua ahli tidak pasti siapa yang akan dipanggil nombornya untuk menjawab) 3. Sistem pengumpulan poin kumpulan dan hadiah bulanan diberikan kepada pemenang.

2.	5.5.1 Peranan kerajaan (Menghuraikan kesan peranan kerajaan)	1. Mengkaji dialog kartun 2. Kemukakan soalan tentang kepentingan kandungan pelajaran dalam kehidupan/	1. Pembelajaran koperatif/ belajar dalam kumpulan/ kolaboratif. 2. Menggunakan bahan menarik iaitu kartun 3. Pembezaan alat berfikir	1. Pertandingan kuiz 2. Sistem pengumpulan poin kumpulan dan hadiah bulanan diberikan kepada pemenang 3. Smart Partner (Guru Muda) terbaik
3	5.5.2 Peranan kerajaan (Untuk mencapai objektif makro)	1. Menonton tayangan video 2. Kemukakan soalan tentang kepentingan kandungan pelajaran dalam kehidupan seharian	1. Pembelajaran koperatif/ belajar dalam kumpulan/ kolaboratif. 2. Menggunakan bahan menarik iaitu video 3. Kelainan / pembezaan kandungan / tugas ahli 4. Menyanyi	1. Pertandingan menyanyi 2. Sistem pengumpulan poin kumpulan dan hadiah bulanan diberikan kepada pemenang 3. Smart Partner (Guru Muda) terbaik
BI L	TAJUK	AKTIVITI “MEANINGFUL” (Membuat murid ingin tahu/ belajar)	AKTIVITI “ENJOY” (Menjadikan murid seronok)	AKTIVITI “CHALLENGING” (Meningkatkan motivasi belajar)
4	5.5.3 Peranan kerajaan (Mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negative)	1. Mengkaji keratan akhbar berkaitan dengan aktiviti negative firma pencatutan/ naikan harga barang.	1. Pembelajaran koperatif/ belajar dalam kumpulan. 2. Kelainan / pembezaan sumber pembelajaran/ stesyen maklumat 3. Meneroka internet/ menggunakan peranti telefon bimbit/tablet.	1. Pertandingan hasil kumpulan 2. Sistem pengumpulan poin kumpulan dan hadiah bulanan diberikan kepada pemenang. 3. Smart Partner (Guru Muda) terbaik.
5	5.5.4 Peranan kerajaan Hubungkait ketiga-tiga peranan	1. Mengkaji projek MRT yang sedang dilaksanakan di Sungai Buloh. 2. Kemukakan soalan tentang kepentingan kandungan pelajaran dalam	1. Pembelajaran koperatif/ belajar dalam kumpulan/ kolaboratif. 2. Meneroka internet/ menggunakan telefon bimbit/tablet.	1. Pertandingan 2. Mencipta soalan KBAT terbaik.

		kehidupan.		
6	5.3.1 Dasar Fiskal (Menghuraikan cara dasar Fiskal mengatasi inflasi dan kemelesetan)	1. Mengkaji dialog kartun berkaitan dengan cukai dan perbelanjaan kerajaan. 2. Kemukakan soalan tentang kepentingan.	1. Pembelajaran koperatif/ belajar dalam kumpulan/ kolaboratif. 2. Meneroka internet/ menggunakan telefon bimbit/tab.	1. Mencipta soalan KBAT terbaik. 2. Menghasilkan video terbaik untuk diumuatnaik.

Pemerhatian / Penilaian Aktiviti 1

RPH yang komprehensif telah berjaya disediakan. Bagaimanapun semasa pelaksanaannya, terdapat aktiviti yang kurang sempurna dilaksanakan kerana kekangan masa. Terdapat kumpulan yang gagal mengurus masa dengan baik. Guru perlu mengingatkan murid selalu tentang pengurusan masa agar perkara ini tidak berlaku.

Pelaksanaan Aktiviti 2

Semasa PdPc berjalan, saya telah membimbing murid menjawab soalan KBAT dari semasa ke semasa. Saya telah memberi empat panduan kerangka jawapan kepada murid. Setiap kerangka jawapan mengikut jenis soalan KBAT. Kerangka tersebut saya berikan kepada setiap murid dalam bentuk lampiran bagi menjimatkan masa tanpa perlu menyalin dari papan putih. Saya membimbing dalam dua cara iaitu perbincangan terbuka dalam kelas dan menjawab secara individu. Semasa perbincangan terbuka, murid-murid akan menjawab secara bergilir-gilir dan bertanding antara kumpulan sehingga esei siap dijawab. Bagi menjawab secara individu, guru bimbing murid yang berpenapaian sederhana mengenal pasti kerangka jawapan yang sesuai dan menyambung ayat menggunakan fakta serta huraian yang logik dan relevan.

Pemerhatian / Penilaian Aktiviti 2

Kaedah ini ini berjaya membantu murid menjawab soalan KBAT dengan mudah,cepat dan menghasilkan banyak idea.Muri tidak lagi terkial-kial mencari idea dan berfikir dalam masa yang lama. Suasana dalam kelas kelihatan hidup dengan kerjasama yang diberikan oleh semua murid.

5.5 REFLEKSI KAJIAN

Kaedah ini telah berjaya meningkatkan kemahiran berfikir murid. Sebagai guru saya amat berpuashati dengan hasil kajian ini. Murid 5 UPM bukan sahaja boleh menjawab soalan esei KBAT malah meningkatkan prestasi mata pelajaran dalam SPM. Akhirnya saya berjaya membantu murid saya yakin berhujah dan tidak lagi takut untuk menyampaikan idea. Survival murid saya juga akan lebih mudah kerana mereka telah dibekalkan dengan “soft-skill” atau kompetensi yang amat penting dalam abad ini iaitu kemahiran berkomunikasi. Saya rasa hal ini akan dapat membantu mereka untuk menjadi individu yang lebih cemerlang dalam kehidupan mereka yang akan datang.

6.0 CADANGAN UNTUK KAJIAN SETERUSNYA

Saya akan memperkenalkan kaedah ini kepada guru Ekonomi yang lain samada di sekolah saya mahupun di sekolah lain. Bagi menjadikan panduan kerangka jawapan KBAT lebih tahan lama dan menarik, saya bercadang untuk membuat “laminated” pada lampiran tersebut. Bagi mengatasi masalah kekurangan masa, saya akan memberikan tugas kepada seorang wakil kumpulan untuk mengawal masa dan jika kumpulan masih gagal mematuhi masa, poin kumpulan akan ditolak.

7.0 RUJUKAN

- Ainon Mohd, Abdullah Hassan (1996), *Berfikir Dalam Darjah*, Utusan Publication distributors Sdn.Bhd.
- Edward de Bono(2007), *How To Have Creative Ideas: 62 Exercises To Develop The Mind*, Ebury Publishing
- John Arul Phillips (1997), *Pengajaran Kemahiran Berfikir Teoro dan Amalan*, Utusan Publication distributors Sdn.Bhd.
- Lynne Beachner, Anola Pickett (2001), *Multiple Intelligences and Positive Life Habits: 174 Activities For Applying Them In Your Classroom*, Corwin Press, Inc.
- Ron Clark(2003), *The Essential 55: Discover The Successful Student In Every Child*, Piatkus London.